

# Penyair dinobatkan Sasterawan Negara

Rahman Shaari diiktiraf berdasarkan sumbangan kreativiti dan kesusasteraan kepada tanah air

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

**PUTRAJAYA**



Antara buku hasil karya Rahman Shaari.

menteriannya pada Rabu.

Menurutnya, anugerah tersebut dikurniakan oleh kerajaan Malaysia kepada sasterawan yang menulis dalam bahasa Melayu dan memberi

Rahman dipilih," katanya.

Mohd Radzi berkata, kekuatan Rahman, 72, menerusi genre puisi yang sarat dengan pemikiran serta memerlukan pentafsiran mendalam.

## MENGENAI RAHMAN SHAARI

**Nama Penuh:** Rahman Shaari  
**Tarikh Lahir:** 5 September 1949  
**Tempat Lahir:** Kampung Gial, Mata Ayer, Perlis  
**Jawatan Kini:** Penulis bebas

### PENDIDIKAN

- Sijil Pendidikan 1971 - MPSI
- Sarjana Muda Persuratan 1977 - UKM
- Sarjana Persuratan 1987 - UKM

### KERJAYA

- Guru Sekolah Menengah Syed Sirajuddin, Perlis (1977-1979)
- Pegawai Bahasa, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran (1980-1982)
- Tutor, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (1983-1987)
- Pensyarah Pendidikan Bahasa dan Sastera, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (1988-1998)
- Profesor Madya Pendidikan Bahasa dan Sastera, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (1994-2002)
- Profesor Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (2003-Oktober 2011)
- Ketua Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya (2004-2007)
- Felo Penyelidik Kanan, Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya (Oktober 2011-Oktober 2012)

**RAHMAN  
SHAARI**



sumbangan cemerlang serta berterusan dalam perkembangan kesusasteraan tanah air melalui ciptaan karya kreatif, pemikiran dan kegiatan sastra bermutu tinggi.

“Pemilihan tokoh ini dibuat berdasarkan sumbangan melalui karya dan pemikiran, pengembangan sastra, impak dalam penyebaran ilmu, kepimpinan dalam persatuan sastra, impak di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta penghargaan dan pengiktirafan yang diterima,” katanya pada Rabu.

Beliau berkata, sebanyak 12 nama dihantar oleh persatuan, institusi, individu berwibawa manakala tiga calon telah disenarai pendek oleh sembilan panel yang menilai.

“Panel bermesyuarat penilaian dan meneliti sumbangan serta kekuatan calon, akhirnya

“Rahman menekuni semua genre sastra termasuk puisi, drama, cerpen, novel dan kritikan sastra.

Beliau juga mempelopori Teori Anjakan Makna, selain memperkenalkan teknik persembahan puisi artistik,” katanya.

Ujarnya, majlis pengurniaan anugerah akan disempurnakan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

“Bagi pihak kerajaan Malaysia, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Rahman,” katanya.

Mohd Radzi juga menafikan wujud campur tangan menteri dalam pemilihan anugerah tersebut.

“Itu menteri dulu... Menteri kali ini tidak ada campur tangan.

“Saya hormati kepakaran semua ahli panel dalam memilih, melihat dan mengkaji pelbagai bentuk karya yang telah dikeluarkan oleh calon-calon,” katanya.

## Pemilihan Rahman Shaari tepat – Johan

**SHAH ALAM** - Pemilihan penyair terkemuka, Datuk Rahman Shaari sebagai Sasterawan Negara ke-15 adalah tepat berdasarkan sumbangan yang cukup besar dalam bidang sastra di Malaysia.

Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri Johan Jaaffar berkata, Rahman ialah individu yang bukan sahaja hebat melalui karya sajak dan syair tetapi juga banyak melakukan kajian dalam bidang sastra sekali gus memberi manfaat kepada masyarakat.

“Saya menyokong penuh pengisytiharan beliau sebagai Sasterawan Negara yang ke-15. Beliau ialah seorang penulis, ilmuwan, pengkaji dan pembimbing sastra yang sekian lama terlibat dalam bidang penulisan serta di bidang penyelidikan dan kajian.



**JOHAN**

yang sangat berbakat menghasilkan banyak karya yang berkualiti dan mampu memberikan kesan kepada masyarakat.

“Saya menganggap bahawa pemilihan beliau sebagai Sasterawan Negara amat tepat sekali,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Pemilihan Rahman diumumkan oleh Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin hasil penilaian sembilan pakar terhadap 12 calon sasterawan tempatan yang menyumbang kepada dunia sastra dan akademik.

Mengenali Rahman secara dekat, Johan menyifatkan pemenang Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write Awards) pada 2007 itu sebagai seseorang

- ix. Universiti Malaysia (Oktober 2011-Oktober 2012)
- ix. Pensyarah Sambilan di Jabatan Pengajian Media (2013-2014)
- x. Pensyarah Kanan Aswara (Mei 2015-April 2017)
- xi. Ketua Editor Penerbit 3 ROS (Mei 2017-Disember 2019)

### PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN

- i. Tempat Pertama Sayembara Penulisan Esei Sastra Antara Maktab-Maktab Perguruan Malaysia - 1972
- ii. Tempat Pertama Sayembara Menulis Sajak Universiti Kebangsaan Malaysia - 1975
- iii. Tempat Pertama Pertandingan Menulis Esei dan Kritikan Sastra DBP - 1977
- iv. Hadiah Sastra Malaysia - 1976 (dua buah puisi)
- v. Hadiah Sastra Malaysia - 1982
- vi. Hadiah Sastra Malaysia - 1986/87
- vii. Hadiah Sastra Perdana Malaysia - 2003
- viii. Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write Awards) - 2007
- ix. Anugerah Penyair GAPENA - 2013
- x. Hadiah Sastra Kumpulan Utusan 2015

### KARYA

#### Buku Akademik

- i. Di Sekitar Sastra dan Kritikan
- ii. Kesenambungan Sastra Melayu (bersama-sama Nurazmi Kuntum)
- iii. Kritikan Sastra Melayu: Pendekatan dan Pemikiran
- iv. Sinopsis Menulis Novel

#### Buku Karya Kreatif

##### Puisi:

- i. Kesan Kunjungan
- ii. Serpihan Diri
- iii. Melati dan Bahang
- iv. Anjung Deklamator
- v. Anjung Persinggahan, (Kumpulan Sajak)

##### Novel:

- i. Mufarakah
- ii. Takungan Hajat
- iii. Suluh Peraba
- iv. Tirai Tokoh

### KELEBIHAN SEBAGAI SASTERAWAN NEGARA

- Warkah Penghormatan Negara
- Wang tunai sebanyak RM60,000
- Penerbitan sebanyak 50,000 naskhah buku atau nilai harga buku berjumlah maksimum RM500,000 untuk dibeli oleh kerajaan dan disebar ke sekolah, perpustakaan, jabatan dan agensi kerajaan
- Kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan
- Kemudahan dan keselesaan untuk mencipta karya
- Kemudahan untuk menerbitkan karya
- Penterjemahan karya yang sesuai ke dalam bahasa asing
- Elaun Sara Hidup sebanyak RM5,000 sebulan